

PM mahu semua menteri teliti teguran dibangkit dalam LKAN

BERITA HARIAN 24 JUL 2025 m/s: 15

Isu berulang belum ditangani secara tuntas perlu diberi penelitian, diambil tindakan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua menteri terbabit meneliti setiap teguran dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025.

Penegasan Perdana Menteri itu disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika membentangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27 (3) LKAN 2/2025.

Azalina berkata, Perdana Menteri mahu perkara atau isu berulang yang belum ditangani secara tuntas oleh pihak terbabit, diberi penelitian dan diambil tindakan pembetulan.

“Memperakui kerajaan memandang serius isu dibangkitkan dalam LKAN dan Perdana Menteri sudah mengarahkan

supaya menteri terbabit meneliti isu dibangkitkan.

“Segala isu membabitkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil tindakan pembetulan.

“Semua teguran seharusnya menjadi pengajaran supaya tidak berulang,” katanya di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Azalina berkata, dalam meneruskan usaha reformasi dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan entiti awam, kerajaan berpandangan setiap LKAN diteruskan dibahaskan di Dewan Rakyat.

Atasi kelemahan

Katanya, ia adalah supaya perhatian dan pengamatan mendalam oleh semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat kerajaan mewujudkan tadbir urus sektor awam lebih baik, selain penelitian di bawah Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

“Dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini mahu supaya semua pihak bersatu hati dan menyokong kerajaan supaya dapat audit dan syor yang terkandung dalam laporan terbabit dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terbabit untuk



Azalina pada persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

mengatasi kelemahan ditemui daripada terus berlaku,” katanya.

Azalina berkata, peranan Jabatan Audit Negara diperkukuhkan dengan pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan

di Dewan Negara pada 24 Julai 2024, selepas 33 tahun tidak dipinda.

Pindaan Akta Audit 1957 adalah perubahan signifikan dibawa kerajaan MADANI kepada sistem akauntabiliti awam, antaranya memperuntukkan kuasa Ketua

Audit Negara untuk membuat apa-apa syor bagi menangani ketakateraturan serius yang ditemui semasa pengauditan.

Sejak pembentangan dan perbahasan LKAN pada 6 Jun 2023, ia dibahaskan sebanyak empat kali di Dewan Rakyat.